

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Dapatan kajian menunjukkan keempat-empat subjek terlibat dalam pelbagai masalah disiplin. Kesemua 4 subjek terlibat dalam ponteng sekolah,ponteng kelas, tidak bawa buku, tidak membuat kerja rumah dan merokok. 3 daripada subjek terlibat dalam kes bertumbuk. Dua daripada subjek terlibat dalam membuat bising dalam kelas, datang lewat ke sekolah dan mengeluarkan kata-kata lucah.

Faktor rakan sebaya ,faktor keluarga dan faktor diri sendiri pelajar di dalam analisis data menunjukkan bahawa mereka mempengaruhi masalah disiplin pelajar keempat kes kajian. Ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi satu sama lain dalam pengaruh masalah disiplin pelajar.

#### **5.1 Faktor Rakan Sebaya**

Pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin dapat berkumpul bersama. Mereka ini mempunyai masalah yang sama iaitu tidak suka belajar, bosan dengan pembelajaran, lemah dalam pelajaran , tidak dapat berkawan dengan pelajar yang pandai. Keadaan ini memberi ruang kepada mereka untuk berinteraksi dan memperkuuhkan perbuatan tidak berdisiplin.

Penghormatan ,keselesaan,kepuasan,sokongan moral,sanjungan, keseronokan dan penghargaan yang diterima oleh Subjek sangat penting untuk rakan sebaya. Oleh itu rakan-rakan sering menjadi "role model" untuk diikuti. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya adalah salah satu faktor penting dalam mempengaruhi masalah disiplin pelajar.

## 5.2 Faktor Keluarga

Kesemua ibubapa inginkan anak berjaya dalam peperiksaan dan menjadi scorang pelajar yang bertatatertib,beradab dan bermulia serta tidak bermasalah disiplin. Akan tetapi tidak mahu memikul tanggungjawab dalam membentuk peribadi pelajar yang baik. Malah menyerahkan hampir sepenuhnya kepada pihak sekolah untuk mengambil tindakan.

Tahap pendidikan ibubapa yang agak rendah tidak dapat membantu Subjek-subjek dalam menyiapkan kerja-kerja sekolah. Ibumama tidak dapat meyemak kerja-kerja yang dibuat oleh Subjek.

Kesemua 4 kes ini ,tanggungjawab mendidik anak terletak dibahu ibu. Ibu juga dipertanggungjawabkan untuk memikul hal-hal mendisiplinkan anak. Tugas ayah ialah mencari pendapatan dan tiada masa untuk menyelesaikan masalah peribadi anak. Kesemua ibubapa tidak tetapkan jadual belajar,jadual bermain,makan dan tidur untuk

mendisiplinkan anak. Akan tetapi sesetengah anak mengambil kesempatan dan bebas bergerak di luar rumah.

Subjek-subjek juga tidak diajar cara bersopan,cara beradap,cara bercakap ,Cara bertatasusila dengan betul. Kegagalannya menyebabkan Subjek bertindak tidak berdisiplin dan terlibat dalam masalah berdisiplin.

### **5.3 Faktor Diri Sendiri**

Pengajaran yang berkesan harus dijalankan . Pelajar-pelajar yang lemah harus diambil perhatian. Pelajar-pelajar yang lemah ini harus dilibatkan dalam aktiviti kumpulan. Ia bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang lemah. Tugas dan kerja boleh diberikan mengikut keupayaan kepada pelajar -pelajar yang lemah.

Kebanyakkan Subjek membuang masa dengan berpoya-poya bersama rakan-rakan. Mereka ini juga terlibat dalam masalah disiplin. Masa lapangnya digunakan untuk tidur, bermain video game ,tonton televisyen, lepak bersama kawan di warong . Subjek yang bermain video game di kedai membazir duit dan masa.

Adalah di dapati daripada dapatan bahawa subjek menghadapi kesukaran dalam mengawal emosi. Olek kerana itu subjek cepat marah dan terlibat dalam percaduhan. Ini menambahkan ketegangan diri pada seseorang.

#### **5.4 Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Disiplin Pelajar.**

Permasalahan disiplin telah menjadi satu masalah terbesar dan menarik perhatian semua pihak. Tugas membimbing pelajar untuk menjadi seorang insan berdisiplin tidak patut di serahkan kepada satu-satu pihak sahaja. Ibu bapa, guru, pihak sekolah, pemimpin dalam sebuah masyarakat dan masyarakat sendiri perlu berganding bahu memberi kerjasama yang padu untuk mengatasi masalah ini. Di dalam hal ini pihak sekolah dan ibubapa adalah dua pihak yang penting serta perlu sentiasa berhubung dalam usaha mendidik dan melatih pelajar menjadi insan berdisiplin.

Kita tidak patut lupa disiplin bermula di rumah. Ibu bapa harus melatih anak-anak berdisiplin sejak kecil lagi. Iaitu mereka diajar cara bercakap dengan betul, cara bercakap dengan orang yang lebih tua, cara makan, cara minum, cara berpakaian bersih dan disediakan jadual belajar, bermain, makan serta tidur.

Sementara tugas pihak sekolah pula adalah bukan sahaja membina disiplin malah memelihara disiplin di kalangan pelajar-pelajar. Mengikut disiplin sekolah bukanlah bermaksud mengikut arahan yang ditetapkan tetapi ia lebih merupakan peraturan yang dikenakan kepada pelajar dengan tujuan mengawal tingkahlaku mereka daripada hukuman.

Akan tetapi dalam mengatasi masalah disiplin , kawalan pencegahan adalah lebih baik daripada mengenakan hukuman sahaja. Hukuman bukanlah satu jalan penyelesaian kepada masalah disiplin. Ini kerana ia selalunya hanya akan memberi kesan positif untuk jangkamasa yang pendek sahaja. Oleh itu perlu ada langkah-langkah untuk mengatasi masalah disiplin ini dengan segera. Antara langkahnya ialah:-

#### **5.4.1 Bimbingan Dan Perkhidmatan Kaunseling.**

Kementerian Pendidikan perlu memainkan peranan penting bagi mengadakan satu Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling bagi Ibubapa. Perkhidmatan ini boleh diadakan di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Ini kerana ibubapa adalah orang yang paling hampir dengan pelajar-pelajar . Di mana ibubapa memainkan peranan penting bagi mewujudkan disiplin di kalangan anak-anak mereka. Ibubapa boleh bertindak sebagai para kaunselor yang boleh mengawal dan mendidik anak-anak mereka untuk mengikuti disiplin sekolah.

Selalunya ibubapa mudah menyerahkan tugas mendidik anak-anak kepada pihak sekolah dengan anggapan anak-anak mereka akan diajar segala-galanya. Bila anak mereka melanggar disiplin sekolah, maka mereka mula menuing jari kepada pihak sekolah. Tetapi dengan adanya Khidmat Kaunseling Ibubapa , ibubapa dan sekolah semakin erat dan wujud pula kerjasama dan sedia memberikan bantuan antara satu sama lain. Kaunseling ini akan melatih ibubapa bagaimana seharusnya mereka bertindak . Ini dibuat melalui kursus, latihan,seminar,bengkel dan sebagainya.

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling perlu diberi kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Dengan adanya seorang kaunselor, sudah pasti ia dapat mengurangkan masalah yang dihadapinya. Cara meluahkan segala keluhan dan masalah sedikit sebanyak dapat menolong pelajar untuk meningkatkan disiplin diri. Ini boleh dibuat secara menyertai kaunseling peribadi, kerjaya atau bimbingan sosial. Kaunselor juga boleh buat kaunseling kelompok dari masa ke semasa dengan memanggil pelajar -pelajar yang menghadapi masalah yang lebih kurang sama. Kaunseling begini dapat membantu pelajar bermasalah berani luahkan masalah mereka kepada pelajar-pelajar lain atau bersama-sama kongsi masalah. Ini secara tidak langsung dapat membantu mereka cari

jalan penyelesaian kepada masalah mereka . Seterusnya ini mewujudkan peningkatan disiplin diri.

#### 5.4.2 Program Mentor-Mentee

Guru sentiasa bertindak sebagai seorang pembimbing . Di bawah program mentor-mentee pula guru bertindak dan bertugas sebagai ibu atau bapa angkat. Sebagai ibu atau bapa angkat guru bertindak sebagai pembimbing dan membantu pelajar dalam segala masalah mereka. Mereka ada lebih banyak masa untuk menyelesaikan masalah beberapa orang pelajar yang bermasalah sahaja. Program begini memberi peluang kepada guru untuk meyedarkan para pelajar tentang segala masalah yang dihadapi oleh pelajar. Sesungguhnya mentor dan mentee dapat berbincang hal-hal seperti pembelajaran dan pengajaran serta hal-hal peribadi. Guru pula mudah untuk memahami pelajar itu. Masalah-masalah mentee ini dapat dicari jalan penyelesaian dengan bantuan dan bimbingan guru tadi. Iaitu guru mengenalpasti masalah dan mendidik pelajar ke arah pembentukan perwatakan yang lebih membina. *Malah masalah perlanggaran disiplin dapat dikurangkan ke tahap minima. Untuk menjayakan program ini perlu ada satu susunan aktiviti dan jadual waktu. Mentor-mentee perlulah kerap berjumpa untuk membincangkan dan berkongsi masalah. Perjumpaan ini boleh diadakan seminggu sekali dalam bentuk kumpulan yang kecil.*

Perjumpaan dalam kumpulan kecil memudahkan membantu masalah yang dihadapi oleh para mentee.

#### **5.4.3 Peranan PIBG**

Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) ditubuhkan untuk mengeratkan lagi persefahaman dan kerjasama antara pihak sekolah dengan masyarakat. Ibubapa perlu merapatkan hubungannya dengan sekolah dalam usaha membentras masalah perlanggaran disiplindi sekolah. Di dalam hal ini PIBG memainkan peranan penting. Sekiranya ada kerjasama pihak sekolah dan PIBG , maka memudahkan usaha untuk mengatasi masalah disiplin. Oleh itu PIBG perlu merancang beberapa aktiviti positif yang bersesuaian dengan masyarakat. Iaitu aktiviti itu perlulah berteraskan didikan dan latihan yang bermatlamatkan disiplin. Misalannya Kem Motivasi dan Kem Kepimpinan.

Ibubapa juga perlu sentiasa ambil perhatian tentang pelajaran anak-anak. PIBG boleh mengadakan majlis kerjasama rundingan antara ibubapa dan guru. Di samping itu PIBG bersama-sama pihak sekolah boleh mengadakan perjumpaan khas antara ibubapa anak yang bermasalah disiplin dengan guru kelas , guru disiplin atau pengetua sekolah.Malah guru-guru disiplin boleh melawat ke rumah pelajar-pelajar bermasalah . Lawatan ini memberi maklumat tentang masalah disiplin anak di sekolah

dan diminta ibubapa bekerjasama dalam mengatasi masalah. Interaksi 2 hala ini di harap dapat membendung masalah disiplin pelajar.

Selain daripada itu PIBG juga boleh mengadakan kursus keibubapaan kepada ibubapa . Perkara ini akan membantu dan memberi orientasi awal kepada ibubapa untuk mendidik anak-anak dengan lebih berdisiplin.

#### **5.4.4 Kelas Pemulihan**

Masalah disiplin kerap wujud apabila pelajar tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pembelajaran dan pengajaran . Ini kerana mereka agak lemah dalam pelajaran. Contohnya tidak membuat kerja rumah dan suka bermain dalam kelas. Pelajar cepat bosan dan gelisah apabila tidak faham sesuatu isi pelajaran. Kebosanan dan kegelisahan menyebabkan mereka memberontak dan langgar disiplin sekolah. Oleh itu guru dan sekolah boleh merancang kelas pemulihan untuk pelajar -pelajar bermasalah. Sekolah juga boleh menyediakan guru pemulihan untuk pelajar -pelajar yang lemah dalam pelajaran. Kejayaan dalam pelajaran dapat membentras pelajar dari terlibat dengan masalah disiplin di sekolah.

#### **5.4.5 Ko-Kurikulum**

Ko-kurikulum adalah segala aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang dijalankan di luar bilik darjah. Kegiatan yang dijalankan di luar bilik darjah ini mempunyai tafsiran salah dari orang ramai. Ia di anggap aktiviti tambahan sahaja. Malah ibubapa tidak memberi sambutan positif terhadap ko-kurikulum. Ibubapa beranggapan bahawa kegiatan ini tidak diberi penilaian. Akan tetapi gred dan pengiktirafan diberi kepada pelajar yang berjaya dalam sesuatu aktiviti. Pelajar yang lemah akan berasa bangga dan mempunyai motivasi diri bila menerima kejayaan begini. Pelajar-pelajar begini dapat mengembangkan potensi diri dan mula lebih suka terhadap sekolah serta cuba menghindarkan diri dari melanggar disiplin sekolah.

Ibubapa dan sekolah perlu menarik minat pelajar untuk menyertai aktiviti ko-kurikulum seperti Bulan Sabit Merah, Pengakap, Kelab Komputer, Kelab Kembara dan pelbagai persatuan. Pelajar-pelajar yang terlibat di dalam aktiviti Ko-kurikulum menghabiskan masa dengan cara yang berfaedah berbanding dengan merokok dan bermain video game di kedai perjudian.

#### **5.4.6 Menyertai Program Rakan Muda**

Pihak sekolah dapat membantu Kementerian Belia dan Sukan dalam menjayakan program ini di kawasan setempat. Di dalam program ini pelajar -pelajar dapat menyertai pelbagai kegiatan sukan mengikut kemampuan dan kemahiran serta minat mereka. Misalannya aktiviti perahu layar,skuash, tenis dan sebagainya. Pelajar-pelajar dapat berinteraksi dengan pelajar yang berfikiran positif dan dapat meluangkan masa dengan berfaedah.